

BAB SATU

BAB SATU : KONSEP ZAKAT FITRAH

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan memaparkan konsep zakat fitrah dari sudut *fiqh* klasik dan kontemporari yang merangkumi elemen asas zakat fitrah seperti dalil-dalil dari *al-Qur'an*, *al-Hadīth* dan *Ijmā'*, syarat-syarat wajib, sebab wajib, rukun-rukun, hukum-hukum, hikmah dan permasalahan yang mempunyai kaitan dengannya. Sebahagiannya diuraikan mengikut pandangan empat mazhab yang utama iaitu *Hanafī*, *Mālikī*, *Syāfi'ī* dan *Hanbalī* di samping tidak mengenepikan mazhab kecil yang lain. Pandangan para *fuqahā'* ini kadangkala mempunyai perbezaan yang nyata dan ini mungkin disebabkan kefahaman terhadap satu-satu dalil yang dikemukakan selain metodologi yang digunakan adalah berlainan mengikut kesesuaian mereka sendiri.

1.2 Hakikat fitrah

Setiap manusia yang menyedari kejadiannya di dunia ini merupakan satu fitrah, pasti mengundang pendirian bahawa alam ini terdapat zat Maha Esa yang mengaturkan perjalanan sistemnya di mana tidak mungkin makhluk lain mampu mengurnya seperti mana menyerupai alam yang sedia ada ini. Unsur fitrah di dalam jisim dan akal manusia tidak mungkin dapat menerima bahawa yang bersifat benda (makhluk), boleh dibatasi, memerlukan tempat dan boleh ditemui mahupun dilihat serta didengar merupakan elemen zatnya. Tetapi

sebaliknya zat dihayati melalui segala tanda-tanda ciptaanNya yang benar-benar nyata sebagaimana firman Allah s.w.t *ta'ālā* yang bermaksud:¹

"Dan di antara ayat-ayat (tanda-tanda kekuasaanya) ialah menciptakan langit dan bumi dan makhluk yang melata yang ditebarkanNya pada keduanya dan Dia Maha Kuasa mengumpulkan semuanya apabila dikehendakinya."

Firman Allāh lagi yang bermaksud:²

"Dan suatu tanda (kekuasaan Allāh yang besar) bagi mereka adalah bumi yang mati. Kami hidupkan bumi itu dan Kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripadanya mereka makan. Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air, supaya mereka dapat makan dari buahnya, dan dari apa yang mereka usahakan oleh tangan mereka. Maka mengapakah mereka tidak bersyukur?. Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan-pasangan semuanya, baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan diri mereka mahupun dari apa yang tidak mereka ketahui. Dan suatu tanda (kekuasaan Allāh yang besar) bagi mereka adalah malam; Kami tanggalkan siang dari malam itu, maka dengan serta-merta mereka berada dalam kegelapan dan matahari berjalan di tempat peredarnya. Demikianlah ketetapan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui."

Manusia sebagai makhluk Allāh s.w.t merupakan insan yang suci dan bersih dari segala kemaksiatan dan kejahatan dan itu merupakan satu fitrah semulajadi manusia itu sendiri. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:³

أَخْبَرَنَا الْحَسِينُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ يَزِيدَ الْقَطَانُ حَدَّثَنَا مُوسَى
بْنُ مَرْوَانَ الرَّقِيِّ حَدَّثَنَا مُبَشِّرُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنِ الْأَوْزَاعِيِّ عَنِ
الْزَّهْرِيِّ عَنْ حَمِيدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ثُمَّ كُلُّ مُولُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفَطْرَةِ
فَأَبْوَاهُ يَهُودَانِهُ أَوْ يَنْصَارَانِهُ أَوْ يَجْسَانَهُ

Yang bermaksud:

"Setiap bayi yang dilahirkan atas fitrah (agama yang sebenarnya), maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau menjadikannya Nasrani atau menjadikannya Majusi"

Hadīth ini menjelaskan kepada kita bahawa Islam itu adalah agama fitrah dan seandainya anak kecil itu dibiarkan sehingga dewasa tanpa diberi ajaran Yahudi atau Nasrani, maka sudah tentu secara semulajadi ia akan memilih Islam dan sebaliknya Yahudi atau Nasrani itu merupakan suatu sifat yang baru datang ke atas manusia dengan sebab perbuatan kedua ibu bapanya.

Oleh sebab itulah, *Syeikh ḤAbd al-ḤAz̄īz Jāwisy* menyatakan bahawa fitrah berkait rapat dengan tauhid dan akidah manusia. Ini kerana setiap naluri manusia merasakan secara fitrah dan semulajadi bahawa terdapatnya kuasa pencipta yang menyusun segala bentuk peraturan alam dan segala isinya. Maka lahirlah Islam untuk membenarkan segala keperluan fitrah tersebut.⁴

1.3 Definisi Zakat Fitrah

Terdapat beberapa definisi yang telah diberikan oleh kamus *Lisān al-ʻArab* berkenaan kalimah ‘*fitr*’ mengikut bahasa. Antaranya membawa maksud cipta (*create*), *shahādah*, semulajadi (*natural*), kecenderungan (*disposition*), bakat (*innate*), keperibadian (*character*), perlombagaan moral (*moral constitution*), naluri (*instinct*) atau membawa makna sejak lahir (*congenitally*).⁵ Kepelbagai definisi ini adalah berpunca daripada

penggunaannya di dalam beberapa konteks ayat yang berbeza. Namun apabila penggunaannya berkaitan puasa maka ia membawa erti batal puasa atau buka puasa.⁶ Perkataan ‘al-fitr’ (النطэр) kadang-kadang digunakan secara berasingan dan kadang-kadang digunakan secara sandaran (اصفافه). Jika ia digunakan secara berasingan maknanya berbeza dengan puasa seperti mana yang telah dikemukakan tetapi jika penggunaannya secara sandaran, ianya membawa maksud hari berbuka atau hari raya.⁷

Dari segi istilah pula, *zakāh al-fitr* bermaksud sedekah wajib yang dikeluarkan oleh orang-orang Islam kepada golongan yang memerlukan bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri.⁸ Zakat fitrah juga dinamakan *zakāh al-Nafs* iaitu zakat untuk menyucikan jiwa dengan mengeluarkan sebahagian makanan yang mengenyangkan, menurut ukuran yang ditentukan oleh *syara'* setiap akhir bulan *Ramadān* setiap tahun.⁹

Zakat fitrah telah *difardukan* pada tahun kedua hijrah, iaitu pada tahun *difarḍukan* puasa bulan *Ramadān*. Zakat fitrah bertujuan untuk menyucikan orang-orang yang berpuasa dari sikap dan perbuatan keji dan sia-sia di samping sebagai suatu unsur bantuan dan sokongan moral terhadap golongan yang berkurang bernasib baik semasa meraikan hari kemenangan dalam Islam.¹⁰

1.4 Dalil-dalil yang mewajibkan zakat fitrah

Terdapat banyak dalil-dalil terutamanya daripada *al-hadīth* yang mewajibkan zakat fitrah. Namun begitu, dalil tersebut adalah berdasarkan kepada umum *nāṣ* kewajipan mengeluarkan zakat fitrah.

1. Dalil al-Quran

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّىٰ (٤) وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّىٰ (١٥)

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya beruntunglah orang membersihkan diri (dengan beriman), dan dia ingat nama Tuhaninya, lalu dia sembahyang."

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقْدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (١١٠)

Yang bermaksud:

"Dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Dan kebaikan apa sahaja yang kamu usahakan bagi dirimu, tentu kamu mendapat pahalanya pada sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

2. Dalil *al-Hadīth*

a. *Hadīth* yang diriwayatkan oleh *Abū Dāud* dan *Ibn Mājah*.¹³

حَدَّثَنَا مَحْمُودُ بْنُ خَالِدَ الدَّمْشَقِيُّ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ السَّمَرْقَنْدِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا مَرْوَانُ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنَا أَبُو يَزِيدَ الْخَوَلَانِيُّ وَكَانَ شَيْخَ صَدَقِ وَكَانَ أَبْنُ وَهْبٍ يَرْوِي عَنْهُ حَدَّثَنَا سَيَّارٌ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ مَحْمُودُ الصَّدَقِيُّ عَنْ

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ قَالَ فَرِضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفَطْرِ طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنِ الْلَّعْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ مِنْ أَدَاءِهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَأَهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ

Yang bermaksud:

"Dari Ibn 'Abbās r.a. ia berkata: Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang-orang yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan kata-kata yang kosong, sebagai makanan kepada orang-orang miskin. Sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya maka ia adalah zakat yang diterima dan sesiapa yang menunaikannya selepas sembahyang, ia merupakan satu sedekah daripada sedekah-sedekah biasa."

b. Hadith yang diriwayatkan oleh *Jamā'ah*. Antaranya ialah *Aḥmad*,

Bukhāri dan *Abū Dāud* yang bermaksud:¹⁴

"Dari Ibn 'Umar katanya: Rasulullah s.a.w telah memfarḍukan zakat fitrah dengan mengeluarkan segantang buah kurma atau segantang gandum ke atas hamba, orang merdeka; lelaki, perempuan, kecil dan dewasa dari kalangan orang-orang Islam. Dan sesungguhnya Ibn 'Umar sentiasa memberikan buah kurma kecuali satu gantang sahaja dia tidak mempunyai kurma, maka diberinya *sya'īr*. Menurut riwayat *Bukhari*, mereka telah memberikan zakat sebelum hari raya atau dua hari sebelumnya."

3. Dalil *Ijmā'*

Ishāq bin Rahawayh mengatakan kewajipan menunaikan zakat fitrah diperolehi dengan kata sepakat para 'ulamā'.¹⁵ *Imām al-Baihāqī* pula menegaskan bahawa di kalangan tokoh ilmuan Islam berpendapat wajibnya zakat fitrah, walaupun tidak sependapat dalam menyatakan sama ada ianya *farḍu* atau wajib.¹⁶

1.5 Hikmah zakat fitrah

Selain ianya merupakan satu bentuk suruhan daripada Allāh s.w.t, zakat yang dikenakan pada bulan *Ramadān* yang mulia ini merupakan satu ibadah yang mempunyai unsur-unsur sosial dan ekonomi yang sangat tinggi nilainya. Ia menunjukkan kepada manusia betapa Islam mengambil berat kesejahteraan kehidupan umatnya serta memelihara hubungan yang baik antara mereka yang miskin dengan yang kaya.

Di dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh *Ibn ‘Abbās* ada menerangkan tentang hikmah dan kelebihan bagi orang-orang yang mengeluarkan zakat fitrah. *Mafhūm* daripada *hadīth* tersebut ialah:¹⁷

“Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah untuk membersihkan orang-orang yang berpuasa dari pelbagai perkara yang sia-sia dan perkataan kotor serta untuk memberi makan kepada orang-orang miskin.”

Secara umumnya, penulis cenderung membahagikan hikmah zakat fitrah kepada dua keadaan:

Pertama: Keadaan orang yang berbuka puasa pada bulan *Ramadān*

Orang-orang yang berpuasa kadangkala terdedah kepada perkara-perkara yang sia-sia dan perbuatan yang tidak mendatangkan faedah atau manfaatnya, padahal puasa yang sempurna itu adalah puasa lidah dan anggota tubuh badan lainnya dan bukan semata-mata puasa perut dan kemaluan. Tidak diizinkan bagi orang berpuasa baik lidahnya, matanya, hidungnya, tangannya ataupun kakinya mengerjakan apa yang dilarang oleh Allāh dan Rasulnya, baik perkataan maupun

perbuatan. Akan tetapi manusia dengan segala kelemahannya, tidak mampu melepaskan dirinya dari hal-hal yang tersebut sehingga lah datang kewajipan zakat fitrah di akhir bulan *Ramadān* untuk membersihkan kekotoran puasa dan menampal segala kekurangannya.¹⁸

Sebahagian ‘*ulamā*’ menyamakan zakat fitrah dengan sujud sahwī. *Wāqī‘* *Ibn al-Jarrāḥ* berkata zakat fitrah pada bulan berfungsi sebagai menampal kekurangan pahala puasa seperti halnya sujud *sahwī* iaitu untuk menampal kekurangan solat.

Kedua: Keadaan masyarakat supaya melahirkan rasa kecintaan kepada orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukannya.

Hari raya adalah hari untuk bergembira dan bersuka ria oleh kerana itu kegembiraan haruslah dinikmati oleh seluruh anggota masyarakat muslim tanpa perasaan dengki dan iri hati orang muslim tidak akan berasa gembira apabila melihat orang kaya dan orang-orang yang berkemampuan makan segala apa yang lazat dan baik, sementara orang miskin pula tidak mampu untuk mendapatkan makanan asasi pada hari tersebut maka hikmah syariat mewajibkan zakat fitrah adalah untuk memenuhi keperluan mereka dan menghindarinya daripada meminta-minta. Si miskin akan berasa bahawa masyarakat tidak akan membiarkan keadaan mereka dan tidak melupakannya pada hari tersebut.

Rasulullah s.a.w bersabda :¹⁹

أَغْنُوهُمْ عَنِ الطَّوَافِ فِي هَذَا الْيَوْمِ

Yang bermaksud

"Perkayakanlah mereka pada hari itu"

1.6 Hukum zakat fitrah

Sedekah atau zakat fitrah yang masuk di antara ibadat yang berkait rapat dengan kewajipan berpuasa. Ini kerana perintah Allāh berkaitan dengan puasa disertakan sekali dengan perintah menunaikan zakat. Hukumnya berkisar *farḍu* atau wajib. Majoriti *‘ulamā’* berpendapat hukumnya wajib berdasarkan *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Jamā‘ah* yang bermaksud daripada *‘Umar* r.a. katanya

"Rasulullah saw telah menaridukan pembayaran zakat fitrah di bulan Ramaḍān sebanyak segantang buah tamar atau pun segantang gandum ke atas hamba dan orang merdeka"

Imam Abū Ḥanīfah berpendapat hukumnya *farḍu* perbezaan ini hanya wujud dari segi istilah sahaja kerana menurut beliau terdapat kelainan antara *farḍu* dan wajib iaitu dari aspek kekuatan dalilnya sama ada *qaṭ’iy* atau *zanni*.²⁰

Di dalam menentukan hukum zakat fitrah , kebanyakan *‘ulamā’* mendasarkan kepada *al-sunnah* yang mewajibkan pengeluaran zakat fitrah sebelum keluar sembahyang hari raya. Untuk mendapatkan keterangan yang jelas kita akan melihat pendapat para *fuqahā’* mazhab *fiqh* yang empat iaitu :

Mazhab *Hanafi*:

Mereka menyatakan hukum zakat fitrah adalah wajib dan bukannya *farḍu* berdasarkan syarat-syarat berikut iaitu Islam, merdeka dan memiliki nisab (595 gram perak) yang lebih daripada keperluannya yang asas. Tidak disyarat berakal

dan baligh yang demikian itu wajib dikeluarkan zakat fitrah pada harta kanak-kanak dan orang sekitar wali atau penjaganya tidak mengeluarkan zakat maka, ia dianggap berdosa.²¹

Mazhab *Mālikī*:

Zakat fitrah adalah wajib ke atas orang merdeka yang berkuasa melaksanakannya dalam waktu wajib. Disyaratkan keperluan harta tersebut melebihi keperluannya dan orang yang di bawah tanggungannya pada Hari Raya. Tetapi jika ia berhajat kepada nafkah (perbelanjaan), maka tidak diwajibkan zakat fitrah ke atasnya.²²

Mazhab *Syāfi‘ī*:

Mereka mengatakan zakat fitrah adalah wajib (*fardū*) ke atas setiap orang Islam yang merdeka, yang mempunyai kelebihan harta untuk diri dan keluarganya untuk selama sehari semalam. Ia adalah wajib walaupun orang yang ingin mengeluarkan zakat itu berhutang.²³

Mazhab *Iḥnabālī*:

Pendapat ini mengatakan zakat fitrah adalah *fardū* kerana terbenam matahari pada malam hari raya ke atas setiap orang Islam yang mempunyai harta yang lebih setelah memenuhi keperluan harian dirinya dan keluarga yang berada di bawah tanggungannya pada hari raya dan malamnya.²⁴

Sebagai kesimpulannya, dapatlah kita mengatakan zakat fitrah itu adalah *fardu* menurut *jumhūr fuqahā'* dan mereka tidak membezakannya dengan istilah wajib kecuali Mazhab *Abū Hanīfah* yang mengatakan wajib dan bukannya *fardu*. Ia diwajibkan ke atas orang yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan yang mendapati matahari terbenam pada akhir bulan *Ramadān*. Maka wajiblah ke atas orang yang disebut itu mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan untuk keluarganya dengan syarat makanan yang ada melebihi keperluan mereka pada hari raya dan malamnya.

1.7 Siapa yang wajib mengeluarkan zakat fitrah

Orang yang diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah bermakna dia wajib menunaikan untuk dirinya sendiri di samping wajib pula menunaikan zakat fitrah atas nama atau untuk mereka yang di bawah tanggungannya yang beragama Islam.

Ini adalah bersesuaian dengan hadith yang diriwayatkan oleh *Jamā'ah* dari *Ibn 'Umar*:²⁵

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكُ عَنْ نَافِعٍ عَنْ أَبِي عُمَرِ
رَضِيَ اللَّهُمَّ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَةَ
النُّفُطِ صَاعًا مِنْ تَغْرِيرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ
أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah sebanyak segantang tamar atau segantang *syā'ir*²⁶ ke atas orang yang merdeka, hamba lelaki, perempuan dari kaum Muslimin."

Dan *Hadīth* yang diriwayatkan oleh *Imām Bukhārī* yang bermaksud :²⁷

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنه قال : "فرض رسول الله صلى الله عليه وسلم صدقة الفطر على الذكر والأئم والحر والعبد صاعا من تمر أو صاعا من شعير"

Yang bermaksud:

"Rasulullah telah menfardukan zakat fitrah ke atas lelaki dan wanita, orang merdeka, hamba segantang kurma atau segantang sya'ir."

Berdasarkan kepada maksud *hadīth* yang telah dinyatakan di atas, maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa zakat fitrah wajib ke atas ketua-ketua dan juga individu-individu Islam sama ada mereka merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa, kaya atau miskin.²⁸ Para 'ulamā' bersepakat mengatakan bahawa zakat fitrah diwajibkan ke atas diri seseorang Islam kerana ia merupakan zakat badan dan bukannya zakat harta.²⁹

1.7.1 Orang yang di bawah kategori tanggungan

Mereka yang di bawah tanggungan sesuai dengan hadith-hadith yang telah dinyatakan di atas ialah tiga golongan berikut:

- a. Anak dan kaum kerabat
- b. Isteri
- c. Hamba sahaya

a. Anak dan kaum kerabat

Para ‘*ulamā*’ telah bersepakat menyatakan bahawa tanggungjawab mengeluarkan zakat tersebut adalah wajib ke atas bapanya, jika kanak-kanak tersebut tidak mempunyai harta. Kewajipan tersebut berdasarkan kepada tanggungjawab memberi nafkah dan juga perwalian (نفقة والي).³⁰

Tetapi jika kanak-kanak itu mempunyai harta maka dia sendiri yang wajib mengeluarkan zakat fitrah. Ini adalah pendapat *Imam Abū Hanīfah* dan *Abū Yūsuf*.³¹

Menurut Mazhab *Zādiyyah*, kewajipan mengeluarkan zakat fitrah itu ditujukan khusus ke atas orang yang wajib memberi nafkah sama ada bagi keluarga, isteri atau hambanya.³²

Sementara ucapan Rasulullah s.a.w “kanak-kanak kecil dan dewasa” menunjukkan bahawa zakat fitrah itu wajib ke atas kanak-kanak kecil, diambil dari hartanya apabila ia mempunyai harta. Jika ada tidak mempunyai harta, maka fitrah wajib ke atas orang yang memberi nafkah kepadanya. Ini adalah menurut pendapat *jumhūr fuqahā’*.³³

Sementara pendapat Mazhab *Hanafī* dan *Mālikī* pula, mereka tidak mewajibkan seorang ayah menuaikan zakat fitrah untuk anaknya yang lelaki dan sudah dewasa serta berakal kerana wilayah atau tanggungjawab ke atas mereka sudah lenyap, meskipun mereka miskin dan tidak mampu. Begitu juga anak tidak wajib menuaikan zakat fitrah untuk kedua orang

tuanya meskipun mereka miskin kerana *wilāyah* ke atas mereka tidak ada.³⁴

Kesimpulannya, daripada pendapat para *fugahā'* ini dapatlah dinyatakan bahawa tanggungjawab mengeluarkan zakat bagi kanak-kanak yang belum baligh dan tidak mempunyai harta adalah ke atas bapanya berdasarkan konsep *wilāyah*.

b. Isteri

Berdasarkan kepada kaedah pewalian sempurna (المرلابة الاتمام) tidak diwajibkan ke atas suami untuk mengeluarkan zakat fitrah ke atas isterinya kerana pewaliannya adalah tidak sempurna (المرلابة المقصنة) yang tidak melampui batas-batas, hak dan kewajipan suami isteri. Oleh yang demikian, Mazhab *Zāhiriyah* mengatakan bahawa zakat fitrah wajib ke atas seorang wanita sama ada dia sudah bersuami atau belum. Dalam konteks keluarga atau rumahtangga, wajib ke atas isteri mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya daripada hartanya sendiri.³⁵ Kewajipan zakat fitrah tidak berpindah kepada suami dengan sebab perkahwinan.³⁶

Pendapat golongan ini telah ditentang oleh *jumhūr fugahā'*, *al-Laith* dan *Ishāq* di mana suami wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk isterinya kerana dia wajib menanggung nafkahnya.³⁷ Golongan ini berpegang kepada *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Dār al-Quṭni* dan *al-Baihāqī*.³⁸

عن ابن عمر رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أدو ا

صدقه الفطر من عومن

Yang bermaksud:

"Dari Ibn 'Umar r.a katanya: Rasulullah s.a.w berkata: Hendaklah kamu mengeluarkan zakat fitrah bagi orang-orang yang kamu nafkahkan."

Berdasarkan kepada maksud *hadith* tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa setiap yang menanggung nafkah untuk orang lain seperti isterinya maka kewajipan mengeluarkan fitrah adalah juga tanggungjawab suami kerana sebab yang mewajibkan nafkah adalah perkahwinan³⁹ seperti mana juga wajib mengeluarkan zakat fitrah dengan sebab pemilikan (hamba) dan juga kekeluargaan (النِّسَاب). Berbeza dengan zakat harta di mana pemilikan dan kekeluargaan tidak timbul kerana jika suami menggunakan khidmat isterinya dan memberi nafkah, maka tidaklah wajib ke atas suami membayar zakat fitrah isterinya kerana wajib ialah upah dan bukannya nafkah⁴⁰.

Imām Ḥasan ibn Ḥanbal mengatakan bahawa fitrah adalah wajib ke atas suami untuk isterinya sekalipun suami itu masih kanak-kanak atau kedua-duanya masih kecil. Suami juga wajib membayar fitrah bagi isterinya yang ditalak dengan talak *raf'iyy* (طلاق رجعي). Dalam masalah talak *bā'in* (طلاق الباقي) dan isteri tidak mengandung maka bekas suami tidak wajib mengeluarkan fitrah untuknya. Tetapi jika dia sedang mengandung,

terdapat dua pendapat iaitu pendapat pertama mengatakan wajib dan pendapat kedua mengatakan tidak wajib.⁴¹

c. Hamba sahaya (hamba yang tidak diperdagangkan)

Di dalam permasalahan hamba, ‘*ulamā*’-‘*ulamā*’ telah berselisih pendapat mengenai kewajipan mengeluarkan zakat fitrah ke atas tuannya. Pendapat yang agak popular ialah wajib ke atas tuan (penjaga) mengeluarkan zakat fitrah untuk hambanya, jika dia mempunyai harta dan seorang Islam. Pendapat ini dipelopori oleh *Imām Mālik* dan *Imām Syāfi‘i*.⁴² Kewajipan tersebut adalah berdasarkan pemilikan. Sementara itu Abū Sulaimān pula mewajibkan hanya kepada hamba itu sendiri.⁴³ Beliau berhujah berdasarkan *hadīth*:

فرض رسول الله (ص) صدقة الفطر على كل حر، أو عبد ذكر أو أنثى، صغير أو كبير من المسلمين

Maksudnya:

“Rasulullah s.a.w mewajibkan zakat fitrah ke atas setiap lelaki atau perempuan yang merdeka atau hamba, kecil atau besar dari kalangan orang Islam.”

Dan juga *hadīth Ibn Umar*:⁴⁴

ليس على المسلم في فرسه و عبده صدقة، الا صدقة الفطر في الرقيق

Maksudnya:

“Tidak ada zakat bagi muslim ke atas kuda dan hambanya kecuali zakat fitrah ke atas hamba”

Persoalan lain yang turut diambil perhatian adalah jika hamba tersebut kafir. Adakah tuannya wajib mengeluarkan zakat fitrah? Menurut *Imām Mālik*, *Syāfi‘ī* dan *Aḥmad*, tidak wajib ke atas tuannya untuk mengeluarkan zakat fitrah untuk hambanya. Tetapi golongan *Kūfi*⁴⁵ seperti *Abū Yūsuf* mengatakan wajib ke atas tuannya untuk mengeluarkan zakat fitrah hambanya.⁴⁶

Sebab perselisihan tersebut adalah kewajipan mengeluarkan zakat fitrah berdasarkan hamba tersebut *mukallaf* ataupun ianya merupakan harta? Orang yang mengatakan hamba tersebut adalah mukallaf maka disyaratkan *Muslim* dan orang yang menyatakannya ianya adalah harta, maka tidak disyaratkan *muslim*⁴⁷ dan beberapa pandangan lain mengatakan bahawa zakat fitrah hamba yang diperdagangkan tidak wajib kerana mereka sudah dizakatkan sebagai barang dagangan dan tidak mungkin dua zakat berkumpul pada satu harta.⁴⁸

Persoalan seterusnya ialah hamba *mukātab*.⁴⁹ Menurut *Imām Mālik* dan *Abū Thaur*, wajib ke atas tuannya mengeluarkan zakat fitrah bagi hambanya tetapi pandangan ini telah ditolak *Imām Syāfi‘ī*, *Abū Ḥanīfah* dan *Imām Ahmad* di mana mereka tidak mewajibkan zakat fitrah ke atas tuannya. Perselisihan pendapat ini adalah disebabkan kekeliruan terhadap hamba *mukātab* sama ada ia merdeka ataupun masih lagi hamba.⁵⁰

1.7.2. Persoalan Janin

Para *fuqahā'* telah berselisih pendapat mengenai wajib mengeluarkan zakat fitrah bagi permasalahan janin. Pendapat yang terkenal ialah pendapat *jumhūr fuqahā'* bahawa tidak diwajibkan zakat fitrah untuk janin kerana si bapa tidak mempunyai penguasaan sempurna (الإلاة المطلقة) ke atasnya disebabkan belum diketahui hidup atau matinya.⁵¹

Berlainan dengan pendapat *jumhūr* ialah pendapat *Ibn Hazm* yang mengatakan sekiranya janin itu berusia 120 hari (4 bulan) sebelum terbit fajar pada malam hari raya, maka diwajibkan zakat.⁵²

Kesimpulan yang boleh kita buat ialah dengan menyokong pendapat *jumhūr fuqahā'* yang tidak mewajibkan zakat fitrah untuk janin kerana terdapat syarat yang mewajibkan fitrah iaitu zakat fitrah diwajibkan dengan sebab mendapati matahari terbenam di akhir bulan *Ramadān*, maka sesiapa yang lahir sesudah matahari terbenam, tidaklah wajib ke atas penjaganya mengeluarkan zakat fitrah, walaupun jaraknya hanya satu minit,⁵³ jadi persoalan janin tidak termasuk dalam kategori ini.

1.8 Syarat wajib zakat fitrah

Para *‘ulamā’* telah bersepakat mengatakan terdapat tiga syarat wajib zakat fitrah iaitu:

1. Islam

Oleh kerana pensyarat Islam sebagai syarat wajib zakat maka ia tidak diwajibkan ke atas orang kafir untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain. Melainkan jika ia memiliki hamba *muslim* ataupun keluarga yang beragama Islam.⁵⁴ Pensyarat Islam sebagai syarat utama orang yang mengeluarkannya ialah kerana zakat merupakan suatu ibadat. Oleh itu, tidak sah zakat tanpa disertai dengan niat.⁵⁵ Juga zakat fitrah berfungsi untuk membersihkan jiwa, sebaliknya orang kafir bukanlah tergolong dari golongan orang bersih menurut pengertian *syar'i*. Berkenaan dengan hukuman yang akan dikenakan di akhirat nanti menjadi perselisihan 'ulamā' dari tanggungan (النكيل) terhadap perkara *furu'*. Pendapat yang paling popular ialah orang kafir juga seorang *mukallaf*.⁵⁶

Sementara itu, zakat fitrah ke atas orang murtad dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya, adalah bergantung kepada kembalinya kepada Islam sebagaimana berlaku pada zakat harta.⁵⁷

Di dalam permasalahan zakat fitrah yang ada bersama-sama orang *Musyrik* (مُشْرِك), terdapat tiga pendapat:

Pertama:

Iaitu pendapat kebanyakan 'ulamā'. Mereka mewajibkan zakat fitrah ke atasnya (orang *musyrik*).

Keduanya:

Pendapat ini mengatakan jika orang *musyrik* tersebut memiliki hamba *Muslim* atau keluarga Islam, menurut *Ibn al-Munzir*, *ahl al-Ilm* telah bersepakat bahawa kafir *zimmi* tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk hamba *muslim* seperti juga kafir-kafir lain. Ini berbeza dengan pendapat *Syāfi'i* yang berpendapat bahawa wajib zakat untuk hamba *muslim*. Pendapat ini disokong oleh *Imām al-Nawawi*.⁵⁸

Ketiga:

Pendapat ini mengatakan orang yang mengeluarkan zakat fitrah hendaklah *muslim* dan orang yang dibayar fitrah untuknya (المؤمنون) dibolehkan *musyrik* seperti seorang *muslim* memiliki hamba *zimmi* atau keluarga yang ditanggungnya *musyrik*. Perselisihan yang berlaku di sini hanyalah terhadap hamba *zimmi*. Menurut *Imām Mālik*, *Syāfi'i* dan *Aḥmad*, tidak wajib dikeluarkan zakat untuk kafir *zimmi*. Tetapi *Abū Ḥanīfah* mengaitkan wajib ke atas penjaga mengeluarkan zakat untuk hamba dan hamba tidak disyaratkan seorang yang *muslim*.⁵⁹

2. Merdeka (مسنون).

Ini bermaksud hamba tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan juga isterinya walaupun ia dimiliki oleh tuannya.⁶⁰ Kenyataan ini merupakan pendapat *jumhūr ‘ulamā’* sehingga *Ibn Qudāmah* menyatakan tidak ada perselisihan tentangnya. Berbeza dengan pendapat di atas ialah *Imām Syāfi'i* yang menyatakan tidak disyaratkan merdeka untuk mengeluarkan zakat fitrah bahkan wajib ke atas hamba

mengeluarkannya. Jika tuannya tidak menunaikan zakat fitrah untuknya, maka wajib ke atas hamba menunaikan setelah dia merdeka.⁶¹

Di dalam masalah hamba *mukātab* terdapat tiga pendapat ‘*ulamā*’. Pendapat pertama mengatakan tidak wajib fitrah ke atasnya dan tuannya tidak perlu mengeluarkan zakat fitrah untuknya. Ini adalah pandangan *Imām Syāfi‘ī*, *Abū Hanīfah* dan *Imām Ahmad*. Pendapat kedua mengatakan wajib ke atas tuannya mengeluarkan fitrah untuk hambanya. Pendapat ini telah dikemukakan oleh *Imām Mālik* dan *Abū Thaur*. Pendapat ketiga pula mengatakan wajib ke atas hamba mengeluarkan fitrah untuk dirinya.⁶²

3. Kaya (اليسار).

Maksud kaya di sini ialah setiap *muslim* yang mempunyai lebihan makanan atau harta untuk dirinya atau keluarga yang berada di bawah tanggungannya untuk selama sehari semalam. Sesiapa yang tidak memenuhi syarat ini, maka tidaklah wajib mengeluarkan zakat fitrah, bila makanannya tidak mencukupi keperluannya dan keluarganya pada hari raya.⁶³

Di dalam mentafsirkan maksud kaya (اليسار) para ‘*ulamā*’ telah berselisih pendapat tentang kadar kekayaan tersebut atau adakah fitrah mempunyai nisab tertentu. *jumhūr* ‘*ulamā*’ tidak menentukan kadar tertentu, tetapi hanya mengisyaratkan sesiapa yang ada lebihan makanan dan setengah daripada mereka berpendapat kadar satu gantang adalah lebih daripada keperluan biasa.⁶⁴ Tetapi *Imām Abū Hanīfah* dan sahabatnya

tidak mengatakan wajib dikeluarkan zakat fitrah kecuali kepada sesiapa yang memiliki nisab tertentu ataupun nilainya.

Mereka berujah berdasarkan kepada *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Bukhārī* dan *Nasā'ī*.⁶⁵

لَا صَدْقَةٌ لَا عِنْ ظَهُورِ غَنِيٍّ

Yang bermaksud:

“Tidak wajib zakat fitrah kecuali kepada sesiapa yang benar-benar kaya”

Menurut mereka, maksud kaya di dalam *hadīth* di atas memiliki nisbah tertentu sedangkan orang fakir tidak berkecukupan, malahan yang berhak menerima zakat.⁶⁶

1.9 Sebab wajib zakat fitrah

Sebab wajib zakat fitrah menurut kebanyakkan ‘ulamā’ ialah mendapati matahari terbenam pada akhir bulan *Ramadān* tetapi sebahagian ‘ulamā’ pula mengatakan bahawa zakat fitrah tidak diwajibkan kerana mendapat matahari terbenam pada akhir bulan *Ramadān*, tetapi kerana mendapat fajar pada hari raya. Ini adalah berdasarkan *hadīth* *Ibn ‘Umar*⁶⁷

حدثنا آدم حدثنا حفص بن ميسرة حدثنا موسى بن عقبة عن نافع عن
بن عمر رضي الله عنهما ثم أن النبي صلى الله عليه وسلم أمر بزكاة الفطر قبل
خروج الناس إلى الصلاة

Yang bermaksud:

“Daripada ^cUmar r.a bahawasanya Rasulullah telah memerintah untuk mengeluarkan zakat fitrah sebelum manusia keluar pergi sembahyang Hari Raya.”

*Imām Mālik bin Anas, Imām Syāfi’ī, Imām Ahmad Ibn Ḥanbal dan Ishāq bin Rahawayh berpendapat, sebab wajib mengeluarkan zakat fitrah ialah kerana mendapat matahari terbenam pada malam hari raya (akhir Ramaḍān). Oleh itu anak yang dilahirkan pada malam hari raya, sesudah terbenam matahari, orang yang masuk Islam pada malam tersebut, isteri yang dikahwini pada malam itu tidak wajib difitrahkan kerana tidak mendapat petang atau terbenam matahari. Orang yang mati terbenam matahari dikeluarkan fitrah untuknya. Ini adalah pendapat para *mujtahid*.⁶⁸*

1.10 Kesimpulan

Penulis merasakan perbezaan pendapat di kalangan para ‘*ulamā’* tentang elemen asas yang terkandung di dalam zakat fitrah itu adalah lebih merupakan pandangan peribadi dan bersifat lokaliti serta mengikut keadaan zaman semasa ianya dikaji dan diteliti. Penulis berpendapat ianya tidak merupakan perkara *furu’* seperti perbahasan mengenai perbezaan antara *farḍu* dan wajib selain perbincangan tentang perbezaan waktu untuk menentukan taraf kewajipan janin sama ada layak mengeluarkan zakat fitrah. Semuanya ini seharusnya tidak menghalang dari segi pelaksanaan zakat fitrah itu sendiri mengikut kesesuaian dan acuannya pada masa sekarang.

NOTA HUJUNG

- ¹ Al-Qur'ān, Sūrah al-Syūrā : 29
- ² Al-Qur'ān, Surah Yasin, : 33,34,35,36,37,38,39 dan 40
- ³ Muhammad bin Hibbān bin Ahmād bin Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Basti, *Saḥīḥ Ibnu Ḥibbān bi Tartīb Ibni Balbān*, Cet. 2, Jil.1, Mu'assasah al-Risālah : Beirūt, 1993M/1414H, hal: 336
- ⁴ Al-Syeikh ḤAbd ḤAzīz Jāwisy, *Al-Islām Dūl al-Fitrāh wa al-Hurriyyah*, Dār al-Ma'ārif: Kaherah, 1968, hal: 42
- ⁵ Al-Imām al-Ālām Abī Faḍhl Jamāl al-Dīn Muhammād bin Mukarram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī, *Lisān al-Ārāb*, Jil. 1, Dār Beirūt :Beirūt, 1967M/1388H, hal: 56-59. Rujuk juga Rūhī al-Ba'albākī, (Dr.), *Al-Maurid (Arabs-English)*, Cet. 6, Dār al-Ilm li al-Malāiyin, Mu'assasah Thaqāfiyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr: Beirūt, Lubnān, 1994, hal: 829 dan 830
- ⁶ *Ibid.*
- ⁷ Kāmil Mūsā, (Dr.), *Aḥkām al-Ībādāt*, Mu'assasah al-Risālah : Beirūt, 1988 , hal : 331
- ⁸ Ibrāhīm (Dr.), ḤAbd al-Halīm al-Muntaṣir (Dr.), ḤAtīyyah al-Suālīmī, Muhammād Khalf Allāh Allāh. *Mu'jam al-Waṣīf*, Juz.1, Cet. 2, Kaherah, 1972M/1392H, hal: 694
- ⁹ Lihat Ibn Idrīs , "Zakat Fitrah", *Utusan Malaysia*, 15 Mac 1991.
- Lihat juga Idrīs Ahmād al-Syāfi'i, *Fiqh al-Syāfi'i*, Jil. 1, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1982, hal : 450 dan ḤAbd Allāh bin Ḥamīd , *Ma'ārij al-Āmat 'alā Madārij al-Kamāl*, Juz. 15, Wizārah al-Turāth al-Qaumī wa al-Thaqāfah : Sultānah Oman, t.t, hal: 24
- ¹⁰ Al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *Fiqh al-Zakāh*, Jil.2, Maktabah Wahbah, 1994/1414, hal : 918
- ¹¹ Al-Qur'ān, Sūrah al-Ā'�ā : 14 – 15
- ¹² Al-Qur'ān, Sūrah al-Baqarah : 110
- ¹³ Al-Sanā'ī, Muhammād bin Ismā'il , *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*, Juz. 1, Dar al-Jil: Beirūt, 1980, hal : 622 , Lihat juga Al-Syaukānī , Muhammād bin ḤAlī , *Nayl al-Auṭār Syarḥ Muntaq al-Akhbār* , Juz. 3, Maktabah Dār al-Turāth , t.t., hal : 184
- ¹⁴ *Ibid.*, hal : 179
- ¹⁵ Al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal: 920
- ¹⁶ Al-Syaukānī. Muhammād bin ḤAlī, *Nayl al-Auṭār*, Jil.4, hal: 201 dan lihat juga Abdul Hayeī bin Abdul Syukor (Dr.), "Zakat Fitrah, satu kewajipan terhadap golongan miskin", *Utusan Malaysia*, 27 Mac 1991
- ¹⁷ Al-Baihāqī, Ahmād bin al-Ḥussain bin ḤAlī bin Mūsā Abū Bakr, *Sunan al-Baihāqī al-Kubrā*, Juz.4 Maktabah Dār al-Bāz: Makkah, 1994, hal: 162. Untuk huraian sila lihat Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal : 66
- ¹⁸ Al-Qaradāwī. Yūsuf. (Dr.), *op.cit.*, hal: 921-922
- ¹⁹ Ibn Ḥazm, Abū Muhammād ḤAlī bin Ahmad bin Sa'īd bin Ḥazm, *Muḥallā*, Jil. 6, Dār al-Jil wa Dār al-Ālfāq al-Jadīdah: Beirūt, t.t., hal: 121. Rujuk juga *Ibid.*, Dār al-Turāth: Kaherah, 1185H dan *Ibid.*, Dār al-Fikr.
- ²⁰ Lihat Abdul Hayeī bin Abdul Syukor, (Dr.), "Zakat fitrah, satu kewajipan terhadap golongan miskin", *Utusan Malaysia*, 27 Mac 1991, Lihat juga al-Sālimī, ḤAbd Allāh bin Ḥamīd, *op.cit.*, hal: 260
- ²¹ Al-Kasānī al-Hanafī, al-Imām ḤAlī al-Dīn Abū Bakr bin Su'ūd (567H), *Badrā'i al-Šanā'i' fī Tarīb al-Syārā'i'*, Jil.2, Dār Ihyā' al-Turāth al-Ārabi: Beirūt, hal: 199-203, Boleh rujuk juga Al-Jazīrī, ḤAbd al-Rahmān, *Kitāb al-Fiqh 'alā Madhāhib al-Arba'ah*. Jil.1, Beirūt: Dār al-Fikr, t.t., hal: 567, lihat juga ḤAbdullah Nasīh ḤUlwan, *Hukum Zakat dalam pandangan empat mazhab*, terj. Didin Hafidudin (Drs.), Pustaka Nasional : Singapura, 1985, hal: 64-66
- ²² Al-Asbāhī, al-Imām Mālik b. Anas (179H), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, Cet. 1, Jil. 1, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirūt, 1994M/1415H, hal: 380-383, rujuk juga Al-Jazīrī, ḤAbd al-Rahmān , *op.cit.*, hal : 569
- ²³ Al-Nawawī al-Dimasyqī, al-Imām Abū Zakariyyā bin Syaraf (676H), *Rauḍāh al-Tālibīn*, Jil. 2, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirūt, t.t., hal: 152-153, rujuk juga Ahmad Muhammād Assaf , *Al-Aḥkām al-Fiqhiyyah fī al-Madhāhib al-Islāmiyyah al-Arba'ah* , Beirūt : Dār al-Ihyā' al-Ūlūm 1983 , hal : 354
- ²⁴ Al-Jazīrī, ḤAbd al-Rahmān , *op.cit.*, hal :568
- ²⁵ Rujuk Muhammād bin Ḥibbān b. Ahmād Abū Ḥātim, *op.cit.*, Jil. 8, hal: 96
- ²⁶ tumuhan yang berkayu dan mempunyai biji, lanya dari jenis 'najīyat', berasal dari Asia dan biasanya ditanam di negeri yang bersuhu sederhana dan boleh dijadikan makanan haiwan. Kadangkala digunakan oleh pengilang untuk dijadikan arak.. Sila rujuk *al-Munjid*, cet. 4 dan 5, Dār al-Masyriq : Beirūt, 1987, hal : 391

- ²⁷ Al-Bukhārī, Muhammad bin ‘Ismā‘il Abū ‘Abdullah (194-256), *Al-Jāmi‘ al-Šaḥīb al-Mukhtasar*, Jil.2, Cet.3, Dār Ibn Kathir : Al-Yamāmah, 1987.
- ²⁸ Al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal : 924
- ²⁹ Al-Qurtubī, Imam Abū al-Wālid, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid*, Juz. 1, Syarikah Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1981, hal : 279
- ³⁰ Kāmil Mūṣā, (Dr.), *op.cit.*, hal : 333. Lihat juga ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā‘*, Juz. 2, Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah: Beirût 1984, hal : 335
- ³¹ *Ibid.*, hal : 335
- ³² *Ibid.*, hal : 336
- ³³ Al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal : 926, lihat juga Al-Qurtubī, Abū al-Wālid, *op.cit.*, hal : 279
- ³⁴ Lalu Khidir, *Zakat dan masyarakat pembangunan*, Singapura : Pustaka Nasional 1981 , hal : 29 – 30
- ³⁵ Al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal : 926
- ³⁶ *Ibid.*, hal : 925 , Lihat juga al-Syamakhī, Amīr bin ‘Alī, *Kitāb al-Īdāh*, Juz. 2 , Wizārah al-Turāth al-Qaumī wa al-Thaqāfah : Sultānah Oman, t.t. hal : 140
- ³⁷ *Ibid.*, hal : 140, Lihat juga Abū Muḥammad ‘Abd Allāh, *Kitāb al-Jāmi‘*, Juz. 2 , Wizārah al-Turāth al-Qaumī wa al-Thaqāfah : Sultānah Oman , t.t. hal : 31
- ³⁸ Kāmil Mūṣā , (Dr.), *op.cit.*, hal : 334, lihat juga Al-Qaradāwī , Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal : 925
- ³⁹ Al-Dār al-Qutni , ‘Alī bin ‘Umar , *Sunan Dār al-Quṭnī*, Jil. 1 Dār al-Ma‘rifah : Beirût t.t. hal : 140
- ⁴⁰ Kāmil Mūṣā, (Dr.), *op.cit.*, hal : 334
- ⁴¹ Al-Nawawī al-Dimasyqī, al-Imām Abū Zakariyyā bin Syaraf (676H), *op.cit.*, hal: 157
- ⁴² Ibn Hazm, *op.cit.*, hal: 133
- ⁴³ *Ibid.*, hal: 133
- ⁴⁴ Hadith ini diriwayatkan oleh *Abū Hurairah* dari *Mālik* dari *Irāk* dari *Rabi‘ah* dari *Jāfar Sila* rujuk Imān Muslim, Muslim bin al-Hajjāj Abū Ḥusayn al-Qusyairī al-Naisābūrī (206H – 261H), *Šaḥīb Muslim*, Jil. 1, Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī : Beirut, hal: 268 dan riwayat *Abū Dāud*, Jil.2, hal: 214
- ⁴⁵ Ibn Qudāmah , Abū Muḥammad , *Al-Mughnī*, Juz. 3 , Maktabah al-Riyād al-Hadīthah 1981 , hal : 70
- ⁴⁶ Al-Kasānī al-Hanafī, al-Imām ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr bin Su‘ūd (567H), *op.cit.*, hal: 200-201
- ⁴⁷ Al-Nawawī , Abū Zakariā , *Al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab* , Juz. 6, Maktabah al-Irsyād , t.t. hal : 82
- Al-Nawawī , *Rauḍah al-Tālibīn* , Juz. 2 , Al-Maktabah al-Islami li al-Tibā‘ah wa al-Nasyr, t.t. hal : 295
- ⁴⁸ Al-Qurtubī , Abū al-Wālid , *op.cit.*, hal: 280
- ⁴⁹ Lalu Khidir, *op.cit.*, hal : 29 – 31
- ⁵⁰ Iaitu hamba yang dijanjikan akan dimerdekaan oleh tuannya dengan bayaran tertentu.
- ⁵¹ Al-Qurtubī, Imam Abū al-Wālid, *op.cit.*, hal : 280, lihat juga ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī , *op.cit.*, hal : 337
- ⁵² *Ibid.*, hal : 336, Al-Qaradāwī , Yūsuf, (Dr.), *op.cit..*, hal : 927
- ⁵³ *Ibid.*, hal : 927
- ⁵⁴ al-Syāfi‘ī, Idrīs Ahmad, *op.cit.*, hal: 454, rujuk juga Al-Kasānī al-Hanafī, al-Imām ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr bin Su‘ūd (567H), *op.cit.*, hal: 199
- ⁵⁵ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā, *op.cit.*, hal : 298, lihat juga Al-Syarbīnī , Muḥammad , *Al-Iqna‘*, Juz. 1 , Dār al-Fikr : Beirût, t.t., hal : 196
- ⁵⁶ ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī, *op.cit.*, hal : 334, lihat juga Abū al-Qāsim Najm al-Dīn , *Syara‘ al-Islām fī al-Masā‘īl al-Ḥalāl wa al-Ḥarām* , Cet. 1 , Maṭba‘ah al-Adib fī al-Najf al-Asyraf, 1969 , hal : 172
- ⁵⁷ Al-Sālimī , ‘Abd Allāh bin Ḥamīd , *op.cit.*, hal : 278
- ⁵⁸ *Ibid.*, hal : 278 dan juga Al-Khaṭīb , Muḥammad al-Syarbīnī , *Al-Iqna‘*, Juz. 1, hal : 196
- ⁵⁹ Al-Sālimī , ‘Abd Allāh bin Ḥamīd , *op.cit.*, hal:279 dan juga Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal : 56 - 57
- ⁶⁰ *Ibid.*, hal : 279
- ⁶¹ Al-Khaṭīb , Muḥammad al-Syarbīnī , *op.cit.*, hal : 197, lihat juga Abū al-Qāsim Najm al-Dīn, *op.cit.*, hal : 171 dan Al- Nawawi, *op.cit.*, hal : 299
- ⁶² Al-Sālimī , ‘Abd Allāh bin Ḥamīd , *op.cit.*, hal : 275 lihat juga ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī , *op.cit.*, hal : 334

⁶³Al-Qurṭubī, Abū al-Wālid, *op.cit.*, hal : 280, lihat juga Al-Nawawī , Abū Zakariyyā, *op.cit.*, hal : 299

⁶⁴Abū al-Qāsim Najm al-Dīn, *op.cit.*, hal : 171, lihat juga al-Syāfi‘i, Idrīs Ahmad, *op.cit.*, hal : 452 Al-Nawawī, *op.cit.*, hal : 299

⁶⁵Al-Sālimī, ‘Abd Allāh bin Ḥamid, *op.cit.*, hal : 171 - 172

⁶⁶Al-‘Asqalāni, Ibn Hajar, *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Jil. 3, Dār al-Ma‘rifah : Beirüt., t.t. hal : 233

⁶⁷Al-Bukhārī, Muḥammad bin ‘Ismā‘il Abū ‘Abdullah (194-256), *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ at-Mukhtaṣar*.Juz.2, Cet.3, Dār Ibn Kathīr, Al-Yamāmah, 1987, hal: 548, sila rujuk huraiyan oleh Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal :927 – 928 , lihat juga Kāmil Müsā, (Dr.), *op.cit.*, hal : 332 – 333, serta lihat Al-Nawawi, *op.cit.*, hal : 299 – 300

⁶⁸Al-Sywakānī, *op.cit.*, hal : 183